



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
 Public Service Department, Malaysia
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA



Tel: 603-88853001
 Faks (Fax): 603-88892187
 Laman Web (Web): www.jp.gov.my

: JPA.800-6/2/109 (2)



MINIT KETUA SETIAUSAHA	
TKSU (P)	SUB (KP)
SUB (SM)	SUB (PM)
SUB (PL)	SUB (PK)
TINDAKAN	ULASAN

Catitan:
 uhee
 walemas
 semu urge bds.

DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN
 KSU KKM

[Signature]
 31/1/18

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri,

GARIS PANDUAN KEMUDAHAN PERUBATAN UNTUK IBU BAPA YANG SAH KEPADA PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG BERPENECEN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri sedia maklum, YAB Perdana Menteri semasa ucapan Bajet Tahun 2018 pada 27 Oktober 2017 telah mengumumkan pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu bapa yang sah (*legal parents*) dari segi undang-undang kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpenecen.

3. Peraturan dan tatacara pelaksanaan kemudahan perubatan bagi ibu bapa pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpenecen adalah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam **Perintah Am Bab F 1974** dan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009**. Namun begitu, apabila seseorang pegawai tersebut telah bersara, ibu bapa mereka tidak lagi layak menerima kemudahan perubatan seperti sebelumnya.

4. Selaras dengan hasrat untuk mengurangkan beban kewangan dan menjaga kebajikan pesara, Kerajaan telah bersetuju supaya kemudahan perubatan bagi ibu bapa pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpenecen ditambah baik. Bagi menjelaskan perkara ini, disertakan Garis Panduan Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa Yang Sah Kepada Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpenecen untuk rujukan agensi masing-masing.



